

Kenyataan Sebutharga Bil. 24/2025

Tarikh Iklan : 16 Julai 2025 (Rabu)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang **yang beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya Sahaja** yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP
2025/B109	Perkhidmatan Penyelenggaraan Komprehensif Precision Air Conditioning System (PAC) Dan Perkakasan Berkaitan Di Pusat Data, Kuala Lumpur Command And Control Centre (KLCCC), Bukit Jalil Bagi Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh 3 Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja) Kod Bidang 220301	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 16 Julai 2025 (Rabu) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 4 Ogos 2025 (Isnin)
2025/B110	Membekal, Menghantar Dan Memasang Kelengkapan Perabot Serta Langsir Di Rumah Rehat, Asrama Kakitangan Dan Rumah Tamu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 020101 Atau 020701	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 16 Julai 2025 (Rabu) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 4 Ogos 2025 (Isnin)

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang **eperolehan.dbkl.gov.my**. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi **eperolehan.dbkl.gov.my**
3. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

5. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
6. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 16 Julai 2025 (Rabu)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my